

Latihan 6

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan istilah manakala petikan 2 terdapat tujuh kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang ditanyakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Budaya *femvertising* membawakan gelombang besar dalam dunia fesyen wanita. Sebelum ini, corak pengiklanan hanya memberikan gambaran wanita lebih sinonim sebagai pembantu rumah yang melakukan pekerjaan di rumah. Sejak belakangan ini, gerakan feminise telah memberikan reaksi balas terhadap jenis pengiklanan ini. Melalui gerakan ini, adat pengiklanan berjaya mengubah pemikiran sosial secara beransur-ansur dan menggambarkan wanita dari pelbagai pandangan positif dalam kebanyakan iklan. Pongamalan mesej pemerksaan wanita dalam iklan dikenali sebagai *femvertising* dan bukan lagi wanita digambarkan sebagai mempamerkan produk semata-mata.

Dipetik dan diubah suai daripada
Budaya *Femvertising* Pemerksaan atau Pengeksploitasian Wanita?
Oleh Nurul Huda Hamzah dan Omana Nair Prabhakaran
Majalah Dewan Budaya, Bil. 12/2020

Petikan 2

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berhasrat untuk memartabat kerjaya guru dengan mentransformasikan proffesion keguruan menjadi profesion pilihan dalam anjakan ke4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Langkah awal bagi menjamin kualiti guru ialah dengan mengetatkan syarat kemasukan guru mulai tahun 2013. Calon yang memohon untuk menduduki program perguruan ini perlu melalui ujian kompetensi terlebih dahulu, iaitu Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia (MEdSI) bagi kemasukan ke Universiti Awam dan ujian kelayakan calon guru (UKCG) untuk mengikuti program ijazah sarjana muda di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Calon yang lulus akan disaring melalui temuduga. Proses ini membolehkan hanya calon terbaik dan memenuhi syarat kelayakan akademik akan dipilih untuk memasuki program latihan perguruan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Anjakan 4: Mentrasformasikan Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan
Oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Mohd Ayub
Majalah Pendidik, Bil. 114/2017

Kesalahan istilah dan kesalahan bahasa:

- Kesalahan istilah perlu diganti dengan perkataan yang sesuai penggunaannya dalam ayat
- Kesalahan bahasa merangkumi kesalahan ejaan, tatabahasa, frasa, istilah dan tanda baca
- Bagi kata nama khas, ejaan permulaan huruf mestilah menggunakan huruf besar

Bil.	Petikan 1	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Bil.	Petikan 2	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		
(vii)		

Contoh kesalahan bahasa.

Ejaan Salah	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Ejaan Betul
Akitek	Arkitek	Bowling	Boling
Otomatik	Automatik	Professor	Profesor